



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	24/7/2019	MUKA SURAT	:	5
JABATAN	:	SPAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

155,850 pengguna terjejas terima bekalan air

Shah Alam: Seramai 155,850 akaun pengguna di Gombak yang terjejas akibat masalah pencemaran air di Sungai Selangor, Ahad lalu, sudah menerima bekalan air sepenuhnya.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Abdul Raof Ahmad, berkata pemulihan air di kawasan itu pulih 100 peratus petang semalam.

Katanya, pemulihan air di enam kawasan lain yang turut terkesan dengan masalah sama akan pulih secara berperingkat.

"Setakat jam 6 petang tadi (semalam), keseluruhan pemulihan air mencatat 88 peratus dan enam kawasan iaitu di Kuala Selangor, Hulu Selangor, Kuala Lumpur, Klang dan Shah Alam, Petaling serta Kuala Langat sudah mencapai lebih 80 peratus.

"Kuala Selangor dan Hulu Selangor sudah mencapai 98 dan 99 peratus sehingga jam 6 petang tadi (semalam).

"Klang dan Shah Alam (81 peratus), Kuala Lumpur (92 peratus), Petaling (86 peratus) dan Kuala Langat (91 peratus)," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Enam kawasan berkenaan dijangka pulih sepenuhnya pada petang ini hingga petang Sabtu ini.



Pemulihan air di enam kawasan lain yang turut terkesan dengan masalah sama akan pulih secara berperingkat.

Abdul Raof Ahmad,
Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd